

09 JAN 1998

Mahathir-Khabar angin

TERLALU PERCAYA KHABAR ANGIN BOLEH BAWA MASALAH PADA NEGARA

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kecewa dengan sikap rakyat yang terlalu mudah percaya kepada khabar angin dan mengingatkan mereka bahawa sikap itu akhirnya akan menimbulkan masalah kepada diri mereka dan negara.

Perdana Menteri berkata, beliau hairan mengapa rakyat memberi kepercayaan yang begitu tinggi kepada khabar angin sedangkan apa yang dinyatakan atau diumumkan kerajaan sendiri adalah perkara-perkara yang sentiasa terbukti benar.

"Saya kurang faham. Berapa kali dah orang buat rumours (khabar angin) yang didapati tidak benar tapi dia (rakyat) masih dengar rumours juga.

"Berapa kali dah saya resign, berapa kali dah saya pitam, berapa kali dah saya bubar kabinet, tapi semuanya tak betul," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada penjelasan yang akan dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di peringkat negeri berhubung kegawatan ekonomi pada masa ini boleh diterima rakyat kerana mereka ternyata begitu mudah percaya kepada khabar angin daripada apa yang dinyatakan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, khabar angin terbaru yang tersebar luas sekarang ialah kononnya seorang daripada anak beliau membunuh diri kerana masalah kewangan berikutan kegawatan ekonomi pada masa ini.

"Saya tak faham ada orang yang suka nak dengar rumours. Bila dengar saja (khabar-khabar angin) pergi sana, pergi sini kata saya dengar itu dengar ini.

"Saya tidak tahu kenapa kita harus memberi penilaian yang begitu tinggi kepada (khabar angin) sedangkan kerajaan membuat kenyataan yang selalunya didapati benar," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila kerajaan mengumumkan bahawa kedudukan kewangan negara masih kukuh manakala barangan perlu adalah mencukupi, rakyat masih sukar untuk mempercayai pengumuman itu sehingga menyebabkan mereka bertindak secara panik.

"Kalau kita kata kita ada duit, kita memang ada duit. Kalau kita kata kita ada gula, kita memang ada gula tapi kenapa nak percaya kepada rumours. Akhirnya kata orang putih "you shoot yourself in the foot."

Perdana Menteri seterusnya berkata: "Kita yang menyebabkan masalah pada diri kita. Kita buat satu rumour kononnya bank ni nak bankrap, orang keluar duit banyak-banyak. Bila orang keluar duit banyak-banyak, masalahlah bank itu bukan kerana dia nak bankrap, dia tak bankrap apa pun tapi kita yang buat nak bagi dia bankrap.

"Itupun dia tak bankrap. Bank di Malaysia ni kukuh, kuat dan berkali-kali Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Gabenor Bank Negara dah kata. Saya tak tahu apa lagi nak kata," katanya.

Apabila seorang wartawan menyatakan bahawa rakyat mudah percaya kepada khabar angin kerana ia disebarkan oleh orang yang berkedudukan, Dr Mahathir berkata: "Bila kita check dengan orang ni (orang yang berkedudukan) dia kata dia tak kata apapun".

Katanya, terdapat juga penyebar khabar angin yang mendakwa kononnya mereka telah menemui beliau bagi memperkuatkan khabar-khabar angin yang disebarkannya itu.

"Yalah, jumpa saya di tepi jalan. Tengok saya dalam TV. Jangan

percaya," katanya. -- BERNAMA
AH TM FAZ